



**MULTAQQA ULAMA SEDUNIA**

**ملتقى العلماء العالمي**

**WORLD CONFERENCE OF ISLAMIC SCHOLARS**

Putrajaya, 10-12 Julai, 2003

**KERTAS KERJA XVIII**

**Masyarakat Islam Masa Kini Dan  
Cabaran Peradaban**

Oleh:

Saleem Eld Mohamad Al-Hilali


Putrajaya, Malaysia

12 Julai, 2003

# Masyarakat Islam Masa Kini dan Cabaran Peradaban

Oleh:

Salim Aid Al-Hilali



Bismillahirrahmannirahim

Cabaran peradaban adalah kuasa material yang bergerak ke arah peningkatan kesejahteraan manusia dalam segenap lapangan hidup termasuklah tempat tinggal, pakaian, makanan dan perubatan. Kuasa ini berlumba-lumba dalam menguasai kehidupan manusia. Namun ia mempunyai kesan negatif terhadap kehidupan manusia seperti pembunuhan, penaklukan, penindasan, rampasan kuasa dan huru-hara.

Cabaran dari Barat muncul dalam bentuk perluasan penjajahan dengan tujuan untuk mencari dan mendapatkan bahan mentah, pasaran dan tempat-tempat strategik. Ia adalah bahaya yang sebenar dan secara langsung ke atas umat Islam walaupun sesetengah negara tersebut telah mencapai kemerdekaan dari segi politik.

Inilah cabaran peradaban sebenar yang membawa kepada ketidakupayaan umat Islam dalam menyertai perkembangan dan kemajuan keilmuan, kebudayaan, teknologi dan ekonomi seperti yang diperlukan oleh alam dewasa ini.

Dengan menghayati ayat-ayat al-Quran dan mengambil pengajaran dari peristiwa silam serta melihat realiti alam, maka para cerdik pandai telah membuat telahan bahawa, mekanisme untuk menyerang dan memburukkan realiti alam terus meningkat dan berkembang dalam berbagai-bagai bentuk. Ini menjadi lebih berbahaya dan sangat memudaratkan apabila peperangan pendapat mula meletuskan api fitnahnya yang menghebahkan pelbagai propaganda dan dakwaan. Perkara ini bukan hanya terbatas kepada cita-cita, hasad dengki orang perseorangan bahkan ia diambil berat oleh institusi-institusi penyelidikan dengan dibiayai oleh berbagai-bagai pertubuhan secara sistematik dan perancangan yang kemas.

Jika demikian umat Islam pada hari ini sedang menghadapi cabaran dari berbagai-bagai peradaban. Manakala yang paling bahayanya ialah peradaban Barat. Cabaran kemajuan atau peradaban adalah fenomena yang tidak dapat dielakkan dan setiap zaman yang dilalui oleh

umat Islam pasti akan menghadapinya. Cabaran umat Islam pada zaman moden mempunyai bentuk yang berbeza-beza yang perubahannya secara perlahan-lahan boleh membawa kepada pertentangan peradaban yang menyeluruh dalam berbagai-bagai aspek seperti ideologi, ekonomi, politik dan ketenteraan dan ia merupakan suatu yang pasti kerana mereka berazam untuk menghapuskan peradaban Islam supaya tidak lagi mampu untuk muncul buat kali keduanya.

Diriwayatkan oleh Thauban, sabda Rasulullah s.a.w.:

“Umat-umat dunia ini hampir mengerumuni kamu semua dari segenap tempat sebagaimana semut-semut mengerumuni makanan.”

Mereka bertanya: “Adakah ini disebabkan bilangan kami yang sedikit?”

Jawapan baginda, “Tidak, bilangan kamu adalah ramai akan tetapi kamu semua lemah umpama buih air, dan Allah akan mencabut rasa gerun dari hati musuh kamu terhadap kamu, dan Allah akan meletakkan di dalam hati kamu waham.”

Mereka bertanya lagi: “Apa waham itu wahai Rasulullah?”

Jawab baginda, “Cintakan dunia dan takutkan mati.”

Jelas telah tersirat dalam politik Barat suatu teori yang mengatakan bahawa musuh sentiasa ada atau adanya bahaya yang tersembunyi yang perlu diperangi sebelum kemunculannya.

Pemikiran mengenai pertentangan peradaban oleh Samuel Huntington juga menjadi tokoh tambah kepada teori di atas.

Cabaran peradaban Barat telah berjaya – walaupun sedikit – dalam mengaburi akal fikiran Islam semasa, dengan mengatakan bahawa pemikiran Islam tidak mungkin dapat meninggalkan kemundurannya melainkan dengan keluar dari identitinya yang sedia ada, serta meninggalkan warisannya – dengan kata lain berpisah dari zaman silamnya. Berpisah dari zaman silam adalah sesuatu yang bukan realiti dan tidak diterima akal kerana sekiranya sesuatu realiti itu merupakan suatu kebenaran, maka wujudnya Islam sekarang ini adalah perkara yang realiti – kerana yang realiti merupakan rangkaian kepada sejarah yang mana agama mempunyai peranan yang positif dan meluas. Dengan demikian ia tidak mungkin berpisah atau tercabut masa silamnya iaitu agamanya.

Oleh itu, kesan atau pengaruh peradaban Barat bukanlah sebahagian daripada perkara yang boleh diabaikan begitu sahaja kerana pengaruh ini akan mengarah dan mencorakkan masa depan umat sekiranya tidak ditangani dengan cara baik.

Tambahan lagi, perang peradaban merupakan senjata pemusnah yang menjadi keutamaan kepada orang Barat berbanding dengan penggunaan kereta kebal dan meriam dalam menundukkan umat Islam, dan menjadikannya patuh kepada mereka.

Masalah sampingan yang berkaitan dengan meniru bangsa asing tidak mungkin diperoleh dengan cara mengasingkan diri daripada mereka. Hal demikian ini kerana mereka sentiasa memusuhi kewujudan dan kejatian Islam sama ada secara individu mahupun secara berkelompok. Mereka melakukannya atas dorongan ingin mengubah kewujudan Islam supaya menjadi seperti mereka. Secara tidak langsung mereka telah merampas hak dan kemerdekaan orang lain. Disebabkan mereka menganggap kewujudan mereka itu adalah suatu yang istimewa dan berbeza, maka berlakulah apa yang dinamakan penghapusan etnik, pencerobohan, penghijrahan, penghapusan kebudayaan dan peradaban, perbuatan memecah belahkan dunia ini dari segi geografi dan sejarah, dan memerintah umat manusia supaya menjejaki suatu jalan yang penghujungnya adalah sama dengan Barat.

Mereka bukan sahaja berusaha menguasai, bahkan telah melampau sehingga berlaku gerakan mencabut akar umbi suatu peradaban sama seperti yang dilakukan oleh Marks Norodo apabila beliau menghalau penduduk Selatan ke pedalaman kawasan padang pasir dengan tujuan memusnahkan mereka sehingga tempat asal mereka hanya diduduki oleh etnik Eropah yang lebih baik.

Pertentangan peradaban timbul dalam beberapa bentuk fenomena yang berlainan namun titik kesudahannya adalah satu – sama ada berpihak kepada ummah tersebut atau kepada musuhnya. Justeru, pemikiran suatu peradaban untuk tetap kekal ditentukan oleh isi kandungan peradaban itu, dan faktor yang membawa kepada kemajuan dan kemenangan yang digerakkan oleh orang yang berpengetahuan dan yakin dengan peradabannya. Seterusnya kemajuan dan kemenangan akan berpihak di tangan mereka.

Pemikiran peradaban tidak memiliki pengaruh sekiranya tidak memiliki keaslian dan realiti. Ia tidak mampu menempatkan dirinya dalam kehidupan yang membolehkannya melahirkan tokoh cendekiawan yang berwibawa yang dapat membangunkan suatu tamadun yang cemerlang.

Tanpa adanya tindak balas antara manusia dengan pemikiran, bagaimanakah manusia dapat mengubah realiti dan membina kehidupan, dan adakah sesuatu umat dapat maju sekiranya hanya kaya dengan pemikiran besar tapi pemikiran tersebut tidak memberi sumbangan dalam erti kata yang sebenarnya?

Dengan itu, Islam tidak berkembang dan tidak mengubah paradigma umatnya selagi pemikiran mereka masih mengenangkan sejarah tanpa diubahsuai mengikut peredaran zaman, sesuai dengan realiti semasa. Tidak akan berlaku perubahan seumpama itu tanpa munculnya

semula Islam di pentas dunia sehingga ia dapat memainkan peranannya sebagai pemikiran peradaban.

Ini kerana Islam itu sebagai agama dan Islam sebagai sejarah adalah amat berbeza daripada Islam sebagai iman dan amalan. Justeru, ia juga berbeza dengan Islam sebagai pemikiran peradaban moden.

Agama menurut fahaman umum hanyalah pegangan dan kepercayaan dalam beribadah bagi menghubungkan manusia dengan tuhan, manakala sejarah adalah hikmah dan pengajaran. Manakala iman pula ialah ketulenan, dan peradaban merupakan pergerakan dan kehidupan sehingga antara kedua-duanya wujud jurang yang luas.

Dahulu umat Islam adalah umat yang satu. Mereka adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan di muka bumi ini. Mereka telah membentuk tamadun yang tiada tolok bandingnya. Namun kesemuanya ini adalah sejarah dan tidak boleh memberikan sesuatu kepada manusia.

Timbul satu persoalan dalam fikiran kita iaitu: Adakah umat Islam telah kembali menjadi satu umat, dan adakah mereka pada hari ini umat yang terbaik, dan adakah mereka pembina tamadun, atau mereka pembela tamadun itu sendiri?

Dengan dukacitanya, kita mestilah menjawab: Tidak, kita bukan lagi umat yang satu kerana kita telah kehilangan kesatuan dan kerjasama.

Kita bukan lagi umat yang terbaik kerana kita tidak mempunyai ilmu dan iman yang secukupnya.

Dan kita bukan lagi pembangun atau pembela peradaban kerana kita menghadapi masalah ketenteraan serta kemunduran dari segi kemasyarakatan, akademik dan juga ekonomi.

Oleh itu, Islam silam kita tidak memberikan sumbangan kepada Islam kita pada hari ini.

Persoalannya di sini: Bagaimanakah kita dapat mengubah Islam silam kita kepada hari ini?

Jawapannya: mudah dan senang sahaja, iaitu kita renung, fikir dan kaji semula intipati kecemerlangan Islam dan kita cuba gabung dan terapkan zaman yang memisahkan antara hari ini dengan masa silam supaya hari ini dapat bersambung dengan kelmarin (silam) dan kita mulakan perjalanan kita dari situ.

Sejarah telah menyaksikan bahawa Islam adalah agama yang telah memperbaharui dirinya sendiri sesuai dengan dasar pembaharuan dan reformasi dengan melakukan ijtihad dalam syariah supaya dapat menjadi undang-undang. Ini sesuai dengan hadis Abu Hurairah yang meriwayatkannya daripada Nabi s.a.w. (maksudnya):

Sesungguhnya Allah mengutuskan bagi umat ini setiap awal seratus tahun orang yang menyempurnakan agamanya.

Oleh itu kita memerlukan kepada dua perkara:

- Metodologi yang membina
- Titik tolak perjalanan

Kedua-duanya merupakan ketulenan dan keterbukaan, tanpa salah satunya kita akan tewas dalam pertarungan peradaban. Sesungguhnya apa yang kita perlukan ialah penulenan dan keterbukaan yang mesti dicapai melalui tiga peringkat:

1. Peringkat penulenan: Melalui peringkat ini kita berusaha untuk mendapatkan pemikiran peradaban yang tulen, iaitu agama Islam yang murni yang berlandaskan keilmuan dan keimanan.
2. Peringkat kebangkitan: Pada peringkat ini kita menyedari akan kemunduran lalu bangkit dari lamunan dan menyatakan bahawa kita ingin hidup.
3. Peringkat keterbukaan: Pada peringkat ini kita cuba mengambil faedah daripada sumbangan ilmu pengetahuan moden yang baik dan bersesuaian.

Ini adalah garisan yang jelas dan lurus, yang tidak memungkinkan kita untuk mencapai kejayaan tanpa beriltizam dengannya dan memenuhi segala tuntutan.

Sesungguhnya asas penyelesaiannya adalah satu, iaitu kembali dengan cara yang betul kepada sumber yang murni dengan membuat perhitungan kepada realiti diri dan menghapuskan segala bidaah dan pencemaran yang telah menimpa umat Islam akibat kejahilan dan kecuaiannya.

Penyelesaian yang seterusnya adalah dengan menolak pihak yang berusaha ke arah menyuntik kuman-kuman keruntuhan, fitnah, kelemahan dan perpecahan dalam Islam.

Langkah seterusnya adalah cuba menyesuaikan sesuatu yang realiti dengan yang bukan realiti dengan mengubah suai sesuatu yang datang dari luar tanpa meninggalkan yang tulen.

Walaupun wujud banyak halangan, namun dengan kadar yang termampu bagi kita menghadapi cabaran itu, maka sejauh itulah sepatutnya kita mempertahankan peradaban kita di samping kita membina peradaban yang baru.

Faktor-faktor dalaman yang menggugat dunia Islam dari dalam adalah lebih kuat cabarannya berbanding dengan faktor luaran. Ini kerana sesuatu yang datang dari luar itu walau sekuat mana cabarannya sekalipun akan dapat diramalkan. Dengan kemungkinan boleh dihadapi melalui jalan politik, perjanjian damai, membiarkan perkara itu reda dan berlalu ataupun menghadapinya dengan perang dingin.

Faktor dalaman, ia umpama api marak yang akan bertambah kuat nyalaannya apabila cuba dipadamkan, dan terus merebak melahirkan banyak kelompok yang fanatik dengan ideologi dan fahaman masing-masing. Yang dimaksudkan dengan perkara itu ialah fahaman melampau, kedaerahan dan kepartian.

Puak-puak itulah yang menghendaki berlakunya penyelewengan dari garisannya yang lurus.

Manakala sesetengahnya pula ingin membiarkan kita berada dalam keadaan dan kedudukan yang rosak.

Dan yang lainnya pula ingin mencairkan kita dalam berbagai-bagai acuan peradaban semasa.

Perkara yang tidak diragukan: Bahawa pelampau kanan sebenarnya jauh dari semangat Islam seperti jauhnya Timur dari Barat. Ini kerana Islam adalah pegangan yang menyeluruh, lengkap dan tulen yang berbeza sama sekali daripada falsafah-falsafah Greek, Barhaman – penyembah berhala yang menyekutukan Allah. Islam merupakan agama yang terbuka sepenuhnya terhadap sumbangan-sumbangan akal fikiran dan ilmu pengetahuan serta tidak dapat menerima perbuatan membekukan diri.

Manakala pelampau kiri adalah halangan lain yang terdiri daripada golongan yang tewas dan kecewa. Mereka ini telah dihalang oleh aliran pemikiran Barat daripada mengenali diri mereka sendiri. Ini membuatkan mereka melihat kepada realiti mereka dengan menggunakan kaca mata orang lain. Mereka nampak hanyalah kebaikan orang lain. Mereka ingin menolak segala yang tulen. Bahkan pada anggapan mereka, ketulenan adalah penyebab secara langsung kemunduran kita.

Antara yang menarik ialah apabila hubungan Barat dengan umat Islam bertambah kuat, maka meningkatlah pertentangan dan semakin meruncinglah sifat melampau dan keganasan. Padahal Baratlah yang telah membangkitkan api ketaksuban, melampau dan keganasan, bahkan merekalah yang menyokongnya dan menjadikannya sebagai komoditi politik kotor mereka.

Gambaran Islam sebagai melampau dan ganas adalah ciptaan Barat semata-mata. Ia merupakan pembohongan yang telah dipropagandakan oleh golongan zionis dengan tujuan menyekat aktiviti umat Islam dalam mempertahankan agama, maruah dan tanah air mereka.

Gerakan penumbangan; ini kerana kehidupan Barat adalah berlandaskan keganasan dan melampau. Masih berlaku pencerobohan, pembunuhan dan pemusnahan terhadap umat Islam secara terang-terangan tanpa mengambil kira persahabatan atau perjanjian. Walaupun mereka berusaha meredakan kemarahan umat Islam dengan tutur kata bohong dan menjanjikan kemerdekaan, pembangunan dan demokrasi, semua itu hanyalah janji syaitan yang dipenuhi dengan tipu helah.

Selain itu, ortodoks adalah suatu tuduhan yang sentiasa dikaitkan dengan umat Islam dengan tujuan untuk mengaitkan dunia Islam dengan jenayah terutama sekali negara-negara atau kumpulan yang menentang kehendak Barat.

Ini adalah kerana perkataan ortodoks itu diertikan sebagai: penjenayahan, keganasan, pemusnahan dan perampas kemajuan dan pembangunan. Ia seperti pemahaman gereja ketika Barat masih berada pada zaman kegelapan.

Ramai di kalangan orang Islam masih berada di antara dua puak – seperti kambing sesat, tidak tahu puak manakah yang perlu diikuti. Ini kerana golongan yang terpesong telah menanam rasa keraguan tentang kemampuan Islam untuk membina peradaban Islam yang moden dan tulen.

Disebabkan agama masih mendapat tempat yang kukuh dalam masyarakat, maka golongan yang terpesong tidak mampu untuk menyerang kelayakan Islam, juga kemampuan orang Islam dalam membina peradaban yang moden. Justeru, mereka terus bermuka-muka mengikut aliran ketaksuban mereka.

Sebahagian daripada golongan mereka telah cuba untuk membataskan agama setakat perkara-perkara yang berhubungan dengan perilaku individu dan beberapa peraturan masyarakat. Manakala dari segi metodologi akademik dan etika, mereka terpaksa menjadi pengikut setia bagi falsafah yang mereka pilih mengikut kemahuan mereka sendiri.

Sementara itu nas-nas syar'i yang bertentangan dengan kehendak mereka, dengan licik mereka telah mentakwil, mengubah dan mfi kukūv pembohongan terhadap Allah. Mereka melakukan perkara itu dengan tenang tanpa ada rasa bersalah dan berdosa.

Begitu juga dengan golongan yang tewas dan kecewa, mereka telah memainkan peranan yang serupa, walaupun berbeza cara. Mereka berusaha untuk memisahkan Islam daripada rohnya yang gemilang dan dari dasar-dasarnya yang fitrah dan benar. Mereka juga cuba mencairkan hukum-hukumnya yang telah ditetapkan serta mengarahkan nas-nas syar'i mengikut berbagai-bagai falsafah moden Barat dengan mengabaikan kesan-kesan negatifnya.

Usaha sesetengah golongan ini telah sampai ke peringkat menyeru umat Islam supaya membina suatu pemikiran yang bertentangan sepenuhnya dengan Islam, tetapi berselindung dengan menggunakan nama Islam. Mereka berkata: Islam tidak lebih daripada perkauman keetnikan dan kekeluargaan, oleh itu, kita mesti menyelaraskan dan menyesuaikan dengan setiap yang baru sebagaimana yang dikehendaki oleh aliran-aliran peradaban moden.

Sebaliknya mereka tidak mengetahui apa yang mereka lakukan itu sebenarnya telah mencabut teras keislaman itu sendiri iaitu roh yang telah memberi semangat untuk membuat dan mencipta kegemilangan Islam.

Dengan demikian umat Islam akan hilang dan peradabannya akan tersesat di persimpangan jalan serta kebingungan di tengah kerumunan berbagai-bagai aliran yang melampau.

Sehubungan itu, jadilah Islam seperti debu-debu di pantai yang mengandungi beraneka jenis perkara yang berlawanan, dan ia bukan lagi agama yang satu yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. daripada Allah s.w.t. untuk membentuk umat yang satu. Sebaliknya, ia telah membentuk seribu agama dan seribu mazhab serta seribu umat dan aliran. Inilah dia halangan yang telah menyekat perjalanan umat Islam dari segi peradabannya. Maka hendaklah kita menghadapi cabaran ini dengan dua cara:

1. Memisah dan membersihkan Islam daripada berbagai-bagai jenis falsafah jahiliyah yang telah ditanamkan oleh golongan sesat ke dalam agama Islam. Dengan itu, Islam akan menjadi tulen sepertimana yang diturunkan oleh Allah s.w.t., iaitu dalam bentuk akidah yang bersih dan pemikiran yang menarik yang boleh membawa dirinya sendiri ke dalam kehidupan serta bersesuaian dengannya. Perkara seumpama ini tidak dapat dilakukan tanpa kembali kepada al-Quran dan Hadis serta cuba untuk menerima dan bersikap terbuka terhadapnya, tanpa melakukan sebarang takwil dan perubahan terhadap isi kandungannya.

Islam telah membina kehidupan material dengan sebaik-baiknya dan membuka pintu harapan agar manusia dapat mencapai segala kesempurnaan yang telah disediakan untuk mereka. Material Islam juga berusaha ke arah pembinaan kerohanian, pemikiran dan akhlak dalam diri manusia. Ini kerana material merupakan salah satu komponen penting bagi kehidupan manusia, di samping beberapa komponen lain seperti roh, akal dan akhlak.

Diriwayatkan oleh Abu Hurairah, sabda Rasulullah s.a.w. (maksudnya):

'Sesungguhnya aku diutuskan adalah dengan tujuan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia'.

Diriwayatkan daripada Nabi Isa a.s. (maksudnya):

'Manusia hidup bukanlah dengan roti (makanan) sahaja.'

Akhlak dan ilmu merupakan dua belah sayap yang menerbangkan manusia ke alam kegemilangan dan kecemerlangan.

2. Membersihkan peradaban moden daripada berbagai-bagai pengaruh negatif orang Eropah serta teori-teori sempit mereka. Ini dapat dilakukan dengan cara mengkajinya berlandaskan kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah serta menggunakan metodologi Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya tanpa taklid atau jumud (beku).

Perbuatan mengasing diri serta jumud dengan hanya berpegang kepada warisan silam adalah sesuatu yang tidak boleh diterima akal. Ini kerana dunia hari ini telah berubah menjadi sebuah perkampungan kecil dengan pelbagai perkembangan pesat dan hebat dibidang teknologi dan komunikasi. Manakala dengan tunduk kepada peradaban tunggal sejagat pula bermakna memberi kemenangan kepada pihak Barat yang berusaha ke arah menghapus dan menghilangkan ciri-ciri khusus peradaban umat Islam. Justeru, ia akan menjadikan umat Islam hanya sebagai pinggiran kepada peradaban Barat.

Perancangan peradaban Islam sememangnya suatu kerja atau projek peradaban yang utuh dan universal yang tidak terheret dengan yang silam dan tidak pula peniruan terhadap yang semasa. Tetapi ia merupakan hasil inovasi mereka sendiri dengan berpandukan kepada model-model yang silam yang mampu mengadakan model-model baru untuk masa ini dan akan datang.

Kita hendaklah bergantung sepenuhnya di atas ketulenan risalah kita dan menjadikan perjalanan hidup junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w. sebagai satu kuasa kebal dalam membina suatu peradaban yang kukuh dan sempurna.

Kita perlukan satu generasi yang berusaha ke arah mengenali sejarah dan masa silamnya. Serta mempunyai sikap terbuka terhadap warisan Islam yang bersih dan tulen, seterusnya menghasilkan pelbagai idea yang boleh menyinari jalan dan wawasannya.

Umat Islam yang terdahulu telah menjunjung segala nilai Islam yang maha agung itu dan menyebarkannya ke seluruh pelosok dunia sehingga berlakulah tindak balas atau interaksi di antara peradaban Islam dengan berbagai-bagai jenis peradaban silam. Lama-kelamaan terbentuklah sebuah peradaban Islam sejagat yang terdiri daripada perkara-perkara yang baik yang didapati daripada pelbagai peradaban silam. Kesemuanya itu hasil daripada interaksi dan tindak balas dengan peradaban-peradaban tersebut. Apabila Barat terjaga dari lamunannya, peradaban Islam telahpun menjadi satu peradaban lengkap yang menghulurkan kepada Barat berbagai-bagai sumbangan sehingga mereka sampai kepada tahap hari ini.

Dengan demikian pada zaman cabaran peradaban dan penentangan terhadap Islam secara berterusan yang difokuskan kepada penghancuran kekukuhan ummah, nilai-nilai dan negaranya, maka keperluan kepada perancangan peradaban Islam adalah amat mustahak. Ini bertujuan untuk meluruskan perjalanan, memperbetulkan wawasan, menyelaraskan usaha dan pendirian, mempertingkatkan sistem nilai, memperluaskan rasa kasih sayang, toleransi dan timbang rasa serta memperkuat semangat kerjasama dan persefahaman. Seterusnya meningkatkan nilai kemanusiaan dan kesejahteraan manusia. Karakternya adalah: Ia merupakan peradaban rabbani, global, sederhana, salafi, akhlak, kemanusiaan, moden, positif, syamil, mengikat antara yang tulen dengan yang semasa, tepat dan tidak lebih-lebih, realiti bukan pesimis, telus, adil

dan toleransi, berusaha ke arah memberi kekuatan kepada ummah, dan bukannya ke arah menghancurkannya, juga dengan menyusuri jalan yang ikhlas terhadap Allah serta mempunyai perasaan lemah lembut dan belas kasihan terhadap semua makhluk. Seterusnya berpandukan kepada akal, toleransi dan kebijaksanaan. Serta berhati-hati terhadap keganasan, kekasaran, dan gopoh-gapah. Dengan demikian umat Islam akan mendapat hak kepimpinan dalam peradaban dan dapat mengembalikan kegemilangan sejarahnya serta melepaskan diri dari keadaan-keadaan kritis dan mencengkam, seterusnya akan dapat memperbaiki kedudukannya dengan izin Allah.

Peningkatan rancangan peradaban Islam meliputi perkara-perkara berikut:

- Alternatif kepada pertembungan peradaban adalah dengan cara berinteraksi dan bertindak balas, berdialog dan bermonolog dalam mencari sesuatu yang memberi kebaikan dan kebahagiaan kepada manusia sejagat. Walaupun bertindak balas merupakan suatu pertarungan tetapi ia dapat memandu kita ke arah sesuatu yang membinakan. Ia merupakan tindak balas positif suatu peradaban terhadap berbagai-bagai cabaran yang sedang dihadapi.

Dunia telah mengalami kesengsaraan yang diakibatkan oleh peperangan yang memusnahkan dan tidak lagi kuat untuk menanggung beban dan penderitaan peperangan yang lain. Dengan demikian hendaklah kita memperkukuhkan dan memperkemaskan dasar dialog dengan cara yang baik untuk menghasilkan sesuatu yang lebih tepat dan bernilai. Antara langkah-langkahnya ialah:

- Pertama: Hendaklah memulakannya daripada diri sendiri, iaitu dengan memahami dan membuat perhitungan (evaluasi) terhadap diri sendiri dengan bermuhasabah seketika. Ini bertujuan untuk memperbaiki pegangan, meningkatkan pekerti, menyelamatkan ikutan, mengawasi pembaharuan dan melengkapkan aspek-aspek negatif yang masuk ke dalam umat terutama yang berkaitan dengan akidah dan metodologinya. Umat Islam hendaklah berpegang teguh kepada al-Quran dan al-Sunnah dan metodologi para generasi abad-abad kecemerlang dahulu. Ini seperti sabda Rasulullah s.a.w. (maksudnya):

Sebaik-baik manusia adalah pada abadku kemudian diikuti dengan manusia di abad yang berikutnya dan kemudian diikuti dengan manusia pada abad yang berikutnya.

Kita hendaklah mengenali realiti diri kita sendiri tanpa rasa gerun atau malu, dan

tanpa rasa perkara itu meremehkan ataupun membebankan. Sebaliknya menganggap perkara itu satu peluang untuk kita berdialog dengan diri sendiri yang merupakan asas ke arah berdialog dengan orang lain.

- Berusaha mengenali orang lain serta memahaminya. Yang dimaksudkan dengan orang lain di sini ialah Barat serta peradaban mereka. Ini bertujuan untuk mengambil manfaat daripada sumbangan-sumbangan mereka tanpa mengabaikan ataupun menggadai agama dan metodologi kita.
- Menyebarkan Islam ke alam materialisme, dengan tujuan untuk menyuntik peradaban mereka dengan dasar-dasar akhlak serta untuk menjaga peradaban manusia dari kejahatan, kerosakan dan keruntuhan nilai-nilai murni di kalangan umat manusia.

Ini kerana Islam memiliki kekuatan roh dari segi akhlaknya untuk menarik keluar peradaban material dari dalam jeratnya, seterusnya menukarkannya kepada peradaban manusia yang boleh dikongsi oleh seluruh manusia.

- Menyeru seluruh umat Islam yang terdiri dari kerajaan-kerajaan, bangsa-bangsa, pertubuhan-pertubuhan dan para ulama untuk bangkit bekerja keras ke arah menyatupadukan ummah dan merealisasikan kesatuan Islam yang merupakan tuntutan syariah, tuntutan kemanusiaan, tuntutan agama serta tuntutan keadaan perubahan global semasa. Kesatuan umat Islam memberi keuntungan yang besar kepada umat Islam itu sendiri kerana dunia pada hari ini menuju ke arah pengkelompokan untuk menjadi kuasa besar umpamanya Kesatuan Eropah.
- Memberi tumpuan kepada pertubuhan-pertubuhan pelajar Islam. Ini bertujuan supaya pemuda-pemuda Islam yang telah didakap oleh berbagai peradaban itu mengambil perkara-perkara yang positif daripada peradaban barat dengan penuh sedar dan berhimpun di bawah panji-panji peradaban Islam sehingga membentuk komponen-komponen yang kukuh di dalam membina peradaban Islam.